

Misi berterusan maju bangsa

PM mahu Malaysia terus cemerlang, gemilang, terbilang sepanjang hayat

Oleh Saufi Hamzah
dan Abdul Razak Raaf

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju dalam tempoh 13 tahun lagi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama kerajaan juga perlu memikirkan lebih daripada matlamat itu untuk memastikan bangsa Malaysia terus maju sepanjang zaman.

"Itu yang kita sasarkan. Kita ada misi sepanjang masa, satu misi untuk bangsa yang ingin sentiasa jadi bangsa maju, maju dan terus maju, gemilang dan terus gemilang dan ter-

“*Kita ada misi sepanjang masa, satu misi untuk bangsa yang ingin sentiasa jadi bangsa maju, maju dan terus maju, gemilang dan terus gemilang dan terbilang”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

bilang,” katanya pada majlis ramah mesra bersama jentera politik dan gerak saraf Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Jumaat lalu.

Rakaman ucapan Perdana Menteri bertema 'Misi Nasional Sepanjang Hayat' pada majlis tertutup itu, disiarkan di RTM1 malam tadi.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Presiden Umno berkata, selepas 50 tahun merdeka, kerajaan mesti memikirkan sasaran untuk melengkapkan matlamat satu abad dalam tempoh 50 tahun akan datang.

"Kita sudah sampai ke tahap untuk membina platform baru, tapi bukan bermakna Pak Lah lupa Wawasan 2020... tidak bolehkah kita fikir lebih daripada itu supaya kita terus mara.

"Jangan ingat sampai Wawasan 2020 sudah cukup dan belum tahu

kita sudah maju tapi kemajuan bangsa lain kita kena tengok.

"Kemajuan, kecemerlangan dan kejayaan ini mengikut zaman. Apa yang maju dulu, hari ini tak maju lagi. Apa yang canggih dulu, sekarang ini sudah ketinggalan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, misi nasional yang menekankan penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan modal insan, akan dilaksanakan secara berterusan sepanjang zaman.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyangkal cakap-cakap kononnya beliau akan melepaskan jawatan pada Julai ini. "Siapa yang beritahu... hang pa dengar dari mana," katanya.

Menyentuh mengenai masa depan

orang Melayu, Perdana Menteri mengingatkan mengenai pentingnya bangsa Melayu terus berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dan meningkatkan kedudukan mereka.

"Memang orang Melayu sekarang lebih baik dari dulu, benar orang Melayu sekarang hadapi banyak perubahan daripada dulu, benar orang Melayu tunjuk kebolehan, benar orang Melayu sudah meningkatkan keupayaannya dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, pendidikan, pelajaran dan apa juga.

"Malah, bermula dari 31 Ogos 1957, orang Melayu sudah mencapai kejayaan jika dipandang pada keseluruhannya, tetapi bukan bermakna

LIHAT MUKA 2

'Perjuangan perlu diterus'

DARI MUKA 1

usaha sudah terhenti setakat itu," katanya.

Abdullah sebaliknya berkata, orang Melayu mesti terus membaiki sebarang kelemahan dan kekurangan agar dapat diperkuatkan dan digagahkan.

"Itu ertinya perjuangan ke arah kemajuan, itu ertinya perjuangan ke arah memperelokkan dengan pelbagai pendekatan yang kita ambil daripada tahun ke tahun," katanya.

Beliau turut menekankan mengenai pentingnya perpaduan di kalangan orang Melayu dan meminta mereka tidak mempersoalkan perbezaan asal usul dan kesukuan, seperti Jawa, Aceh dan Minangkabau.

"Perbezaan ini mencetuskan perbalahan pada masa lalu dan kita mesti mengatasi kelemahan ini.

"Kita patut belajar dari sejarah dan ingat satu perkara, iaitu untuk terus sayangkan Umno dan terus berjuang atas nama bangsa, agama dan negara.

"Adalah perlu juga kita berlaku adil dan saksama kepada bukan Bumiputera. Kita tidak boleh dilihat tidak adil kerana kita akan kehilangan kredibiliti dan kepimpinan kita akan tercemar," katanya.